



*Khutbah Jumaat 25 Mac 2022M / 22 Syaaban 1443H: "Musuh Terbesar Umat Islam"*  
*Jabatan Agama Islam Selangor*


# **MANUAL KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK;  
MUSUH TERBESAR  
UMAT ISLAM**



ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "MUSUH TERBESAR UMAT ISLAM".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: يُرِيدُونَ أَنْ يُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَيَأْبَى اللَّهُ  
إِلَّا أَنْ يُتَمَّ نُورُهُ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ۚ

2

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

3

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ  
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ۚ

5

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Segala puji bagi Allah SWT yang telah memilih kita, yang berada di dalam rumah-Nya ini sebagai hamba-Nya yang telah dimeterai dengan kalimah tauhid إِلَهُنَا مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ, kita telah mengaku, bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad SAW itu utusan Allah SWT.

6

Oleh itu bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya serta mengikuti Sunnah Rasulullah SAW. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba-hamba-Nya yang diredhai dan dirahmati serta selamat di dunia dan akhirat.



Marilah sama-sama kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk **"MUSUH TERBESAR UMAT ISLAM"**.

7

**Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,**

Kedatangan Islam telah memberikan kesan besar sehingga berjaya menolak corak hidup jahiliyah dan mengeluarkan masyarakat Arab dari zaman kegelapan kepada petunjuk, dari kezaliman kepada keadilan dan dari penindasan kepada pembelaan.

8

Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' ayat 107:

١٧ ﴿ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴾

9

*"Dan tiadalah Kami mengutus engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam".*

Perutusan Nabi Muhammad SAW kepada umat manusia telah membawa kejayaan dan kebahagiaan yang besar. Baginda menyelamatkan manusia dari kesangsaraan. Baginda diutus oleh Allah SWT untuk menyempurnakan agama dan akhlak manusia supaya memperoleh kebaikan di dunia dan akhirat. Semua perjuangan Rasulullah SAW telah membawa Islam dari zaman jahiliyah menuju peradaban Islam yang cerah.

10



Sehingga saat ini walaupun Rasulullah SAW telah wafat lebih 1400 tahun, tetapi kita masih lagi menerima dan melaksanakan segala ajaran-ajaran Baginda. Walau bagaimanapun, nikmat keamanan dan kesejahteraan yang kita kecapi sering teruji. Kita sebenarnya berhadapan dengan serangan musuh-musuh Islam sama ada yang nyata dan yang tersembunyi.

11

Hari ini umat Islam bukan sahaja tidak berdaya terhadap musuh-musuh lahir seperti Yahudi dan Nasara, bahkan juga tidak mampu memerangi musuh batin yang sangat jahat iaitu hawa nafsu dan syaitan.

12

Memang Islam tidak mengajar kita mencari musuh, tetapi Allah SWT memberitahu kita ujian-ujian yang bakal dihadapi umat Islam melalui ayat-ayat-Nya dalam al-Quran al-karim bahkan Nabi SAW melalui hadis-hadisnya juga mendedahkan siapa musuh umat Islam itu, antaranya:

1. Yahudi dan Nasara serta orang-orang kafir.
2. Hawa nafsu.
3. Iblis dan syaitan.
4. Orang munafik.
5. Orang Islam yang hasad dengki.

13

**Muslimin yang dirahmati Allah SWT,**



Allah menjelaskan sikap kafir terutamanya Yahudi dan Nasara bahawa mereka tidak akan senang dan menyukai orang Islam seligimana orang Islam itu tidak menjadi pengikut mereka dan hidup dengan cara hidup mereka.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 120 :

وَلَنْ تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَى حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ قُلْ إِنَّ  
هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ وَلَئِنْ أَتَبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ  
مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ

١٢٠

14

*"Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): "Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar". Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu."*

15

Justeru, kejayaan musuh-musuh Islam ini bukan kerana kehebatan konspirasi mereka tetapi kerana kelemahan diri umat Islam itu sendiri. Sebagaimana telah diperingatkan oleh Rasulullah SAW bahawa pada akhir zaman ini munculnya pelbagai fitnah termasuk konspirasi daripada musuh Islam. Selain itu juga fitnah itu dicetuskan oleh umat Islam sendiri dengan banyaknya berlaku pertelingkahan, huru hara dan perangan sesama sendiri.

16

**Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,**



Untuk kita menjadi umat yang dipuji-puji oleh Allah SWT, maka sudah sewajarnya kita mengenali musuh besar umat Islam yang sentiasa bermaharajalela di dalam hati kita, antaranya adalah hawa nafsu.

Hawa nafsu juga adalah musuh yang besar bagi umat Islam kerana hawa nafsu ini kedudukannya menyatu dengan diri setiap orang, ia tidak boleh dibunuh tetapi boleh ditundukkan dan diarahkan. Sifatnya cenderung mengajak kepada keburukan dan kemaksiatan. Hawa nafsu tidak akan berhenti memaksa seseorang sehingga keinginannya dipenuhi.

Walaupun ia selalu menuntut agar keinginannya tercapai tetapi masih mempunyai fungsi yang benar apabila orang Islam berjaya menundukkan dan mengarahkannya ke jalan yang diredhai Allah SWT.

17

Firman Allah SWT dalam surah Al-Nazi'at ayat 40-41:

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَىٰ النَّفْسَ عَنِ الْهُوَىٰ فَإِنَّ أَجْنَةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ

18

*"Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Tuhan mereka dan menahan diri dari keinginan hawa nafsunya. Maka sesungguhnya Syurga lah tempat tinggalnya".*

19

**Hadirin sekalian,**

Musuh ketiga umat Islam ialah Iblis dan Syaitan. Iblis dan syaitan ini menyerang dari segala penjuru, godaannya sangat halus mengikut tahap orang yang digodanya. Ia meresap ke dalam tubuh melalui aliran darah dan bertakhta di hati, ia bersekutu dengan hawa nafsu dan sentiasa menyertai gerak geri dan tingkah laku manusia.

20



Antara ciri-ciri godaan dan tipu daya iblis dan syaitan, ialah:

Meniupkan sifat kemalasan, rasa berat untuk melakukan kewajipan dan perasaan malas itu amat terasa apabila mendengar panggilan untuk menunaikan kewajiban khususnya solat. Jika kita berjaya menepis godaan yang pertama tadi, pasti iblis dan syaitan tadi akan terus berusaha tanpa jemu-jemu melancarkan tipu dayanya.

Andaikata kita berjaya menepis tipu dayanya yang kedua itu, dia akan menyibukkan hati kita dengan angan-angan, sehingga kita lupa dan tidak khyusuk dalam beribadah.

21

Iblis dan syaitan tidak menyerah jika tipu dayanya yang ketiga itu gagal, sebaliknya ia berpura-pura baik, mengajak kita berbuat baik, mendorong kita agar menambah ibadah, siang mahupun malam, hingga melampaui batas bahkan merasa puas hati kerana telah banyak beribadah dan akhirnya merasakan dirinya lebih baik daripada orang lain dan memandang rendah terhadap mereka.

### **Hadirin sekalian,**

Musuh besar umat islam yang keempat ialah orang munafik.

Golongan ini merupakan musuh dalam selimut, bermuka manis didepan, berlagak membantu tetapi di belakang sangat curang dan mengkhianati, kita hendaklah berhati-hati kerana orang munafiq ini secara lahiriahnya memang sama aqidahnya dengan umat Islam yang beriman. Ciri orang munafiq ini ialah apabila berkata dia berbohong, jika berjanji tidak ditepati dan jika diberi amanah dia akan khianati.

22



Firman Allah dalam surah Al-Munafiqun ayat 1:

وَاللَّهُ يَشْهُدُ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَكَذِبُونَ ﴿١﴾

23

*"Dan Allah mengetahui bahawa orang-orang munafiq itu benar-benar pendusta".*

Setiap Muslim juga adakalanya dimusuhi oleh orang yang berhasad dengki padanya. Sesungguhnya iblis adalah yang pertama berhasad dengki di langit. Manakala Qabil adalah orang pertama berhasad dengki terhadap saudaranya Habil di dunia ini. Maka cukuplah perbuatan mereka ini sebagai nasihat dan pengajaran bagi kita yang berfikir.

24

Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

25

إِيَّاكُمْ وَالْحَسَدَ فَإِنَّ الْحَسَدَ يَاكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَاكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ

*"Jauhilah hasad (dengki) kerana hasad itu memakan kebaikan seperti api memakan kayu bakar."*

26

*(Riwayat Abu Daud).*



### **Muslimin sidang Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah kali ini, marilah sama-sama kita hayati dan mengambil iktibar agar dapat dijadikan pedoman dan panduan dalam hidup kita. Antaranya:

1. Umat Islam hendaklah sedar bahawa Kaum Yahudi dan Nasara adalah musuh utama umat Islam sejak zaman Rasulullah SAW hingga ke hari ini dan tentunya akan berterusan sepanjang zaman.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa berhati-hati dalam hidup ini supaya tidak terperangkap dengan tipu daya Yahudi dan Nasara.
3. Umat Islam hendaklah berusaha untuk melawan hawa nafsu supaya tidak terpesong dari jalan kebenaran dan keredaan Allah SWT.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa berdoa agar terpelihara daripada godaan iblis dan syaitan serta gangguan orang-orang yang berhasad dengki.

27

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَدَّ كَثِيرٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُونَكُمْ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا  
حَسَدًا مِنْ عِنْدِ أَنفُسِهِمْ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ فَأَعْفُوا وَاصْفَحُوا  
حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ  
١٦٩

28

"Banyak antara Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) suka kalaualah kiranya mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir setelah kamu beriman, kerana dengki yang timbul dari diri mereka sendiri, sesudah nyata kepada mereka kebenaran (Nabi Muhammad SAW). Oleh itu, maafkanlah dan biarkanlah oleh kamu (akan mereka), sehingga Allah datangkan perintah-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

29

(al-Baqarah : 109).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

2

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

3

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

4

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِمُوا تَسْلِيمًا

5

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

6

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

7

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

8



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ  
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعِينِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ  
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

9

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ  
شَاهِ الحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الحَاجِ.

10

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَليِ  
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ،

11

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

12

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

16

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ  
وَالْمِحَنَّ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

17



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتَنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ⑯.	18
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ⑯.	19
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَرِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	20